

Projek j-QAF

PANDUAN PELAKSANAAN MODEL
BESTARI SOLAT

LATARBELAKANG

j-QAF adalah projek **mengukuh dan memperkasa** Pendidikan Islam

- Jawi (Pelajar dapat menguasai jawi dengan baik)
- Al-Quran (Pelajar khatam al-Quran sebelum ke sekolah menengah)
- Bahasa Arab (Pelajar mempelajari Bahasa Arab Komunikasi dan asas-asas Bahasa Arab)
- Fardu Ain (Pelajar dapat menguasai Fardu Ain Khususnya Solat lima waktu)

Penekanan projek adalah kepada sekolah rendah

BAHAN-BAHAN

- Buku Panduan Pelaksanaan Model Kelas Pemulihan Jawi dan Buku Modul Pengajaran dan Pembelajaran Jawi
- Buku Panduan Pelaksanaan Model Khatam al-Quran Model 6 bulan dan Buku Panduan Khatam al-Quran Model Tasmik
- Buku Panduan Pelaksanaan Bahasa Arab dan Modul Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab.
- **Buku Panduan Pelaksanaan Model Bestari Solat.**

FOKUS TAKLIMAT

Buku Panduan Pelaksanaan Model
Bestari Solat.

KONSEP PROGRAM BESTARI SOLAT

- **Bestari** – Tahu, pandai, cerdas, celik, mahir, bijaksana, boleh, mampu.
- Dalam bentuk **KEM**
- Di luar P&P
- Program **pengukuhan** kepada program-program j-QAF yang lain
- **Bukan program teras** kepada j-QAF walaupun ianya adalah **program asas** kepada projek ini
- Penekanan kepada **wuduk** dan **solat lima waktu**.

TAKRIF

Bestari Solat adalah **aktiviti perkhemahan** yang dilaksanakan untuk memastikan murid boleh berwuduk dan menunaikan solat dengan sempurna dari segi bacaan dan perbuatan yang dilaksanakan secara **intensif** di satu tempat khas mengikut kesesuaian sesebuah sekolah

OBJEKTIF

- Murid dapat memahami cara berwuduk
- Murid dapat berwuduk dengan sempurna
- Mengetahui bilangan rakaat solat-solat fardu
- Dapat melaksanakan semua perbuatan dan bacaan dalam solat dengan betul dan sempurna

KUMPULAN SASAR

- Murid Tahun 2 di sekolah rintis
38 buah sekolah terlibat sebagai sekolah rintis j-QAF, manakala 10 buah sekolah terlibat secara langsung dalam bestari solat iaitu masing-masing sebuah sekolah di Kedah, Pulau Pinang, Selangor, K.Lumpur, Melaka, Johor, Terengganu, Kelantan, Labuan dan Sabah.
- Semua murid Islam sekolah rendah yang “terpilih”
 - Gagal dalam ujian pra-kem
 - Kriteria-kriteria lain yang ditentukan oleh pihak sekolah

STRATEGI PELAKSANAAN

- Peranan Panitia Pendidikan Islam menyediakan perancangan pelaksanaan, membimbing fasilitator dll.
- Intensif di luar P&P (tiga hari dua malam)
- Dua kali setahun
- 60 orang/kem dengan rasio 1:10 atau bergantung kepada kesesuaian sekolah
- Pengisian berkaitan wuduk dan solat sahaja
- Penilaian pra-kem, pelaksanaan kem pertama, pengumpulan maklumat pencapaian pelajar, pelaporan, catatan pelaksanaan solat pelajar oleh ibu bapa, pelaksanaan kem kedua
- Peranan ibu bapa/penjaga diperlukan. Wujudkan hubungan baik dengan ibu bapa/penjaga
- Salah satu program dakwah bil hal

PENUBUHAN JAWATANKUASA

- Bergantung kepada kesesuaian sesebuah sekolah
- Boleh dilaksanakan dalam bentuk gabungan beberapa buah sekolah

KEWANGAN

- Sumbangan PIBG
- Sumbangan NGO
- Sumbangan korporat, swasta dan individu yang prihatin
- Kerjasama dengan jabatan-jabatan kerajaan yang lain
- Peruntukan kewangan khusus

PERBELANJAAN

- Penginapan + makan urusetia /guru
15 x RM22.00 x 2 hari = RM0660.00
- Penginapan dan makan pelajar
60 x RM20.00 x 2 hari = RM2400.00
- Alatan bahan cetak
60 x RM04.00 = RM0240.00
- Hadiah dan cenderamata
60 x RM05.00 = RM0300.00
- Pengangkutan = RM0400.00
- JUMLAH = RM4500.00

SEMULA

FASILITATOR

- Guru Pendidikan Islam
- Guru Akademik yang berkebolehan
- Ibubapa/penjaga yang berkebolehan
- Guru-guru KAFA
- Pihak-pihak lain yang berkebolehan dan dipersetujui oleh pihak sekolah

LAMPIRAN 1 (a)

- Dilaksanakan sebelum kem Bestari Solat
- Boleh dilaksanakan secara bertulis
- Bertujuan mengenalpasti latarbelakang solat murid
- Mengenalpasti penglibatan ibu bapa dalam ibadat solat murid di rumah
- Mengenalpasti tahap penguasaan dan penghayatan solat murid
- Soalan yang dikemukakan adalah sekadar contoh. Pihak GPI boleh menambah soalan-soalan lain yang difikirkan sesuai khusus berhubung wuduk dan solat

LAMPIRAN 1 (b)

- Dilaksanakan selepas kem Bestari Solat
- Dilaksanakan secara lisan
- Bertujuan mengenalpasti pencapaian murid selepas kem
- Menyediakan borang khas atau borang di lampiran 3 (a) dan 3 (b)
- Mengenalpasti tahap penguasaan dan penghayatan solat murid selepas kem
- Soalan yang dikemukakan adalah sekadar contoh. Pihak GPI boleh menambah soalan-soalan lain yang difikirkan sesuai khusus berhubung wuduk dan solat

LAMPIRAN 2

CADANGAN JADUAL AKTIVITI

- Pembahagian kumpulan berdasarkan ujian pra-kem.
- Taklimat kem berhubung pelaksanaan jadual, senarai aktiviti, etika dan peraturan kem, keselamatan dan sebagainya.
- Kuliah Maghrib/Subuh: Memilih tajuk-tajuk yang ringan, mudah dan asas berhubung kepentingan solat dan bersuci, seperti “Solat tiang agama”, “Kedudukan solat dalam hidup mukmin”, “Mengapa wajib bersolat”, “Hubungan bersuci dengan solat”, “Mengapa perlu bersuci”, “Jika anda muslim anda mesti solat” dan tajuk-tajuk lain yang difikirkan sesuai dengan tahap pemikiran murid bagi sekurang-kurangnya dapat menyelesaikan soalan apa, mengapa, kenapa, bagaimana dan di mana.
- LDK 1 – 6 mengikut tajuk yang disediakan. Fokus kepada latih tubi bacaan dan tunjuk cara solat. Dalam kumpulan 1:10

LAMPIRAN 3 (a) dan 3 (b)

- Borang senarai semak pencapaian berdasarkan kumpulan
- Dikendalikan oleh setiap fasilitator
- 3(a) untuk penguasaan wuduk manakala 3(b) untuk penguasaan solat
- GPI boleh menambah ruang-ruang lain jika sesuai.

LAMPIRAN 4

- Rekod pelaksanaan solat di rumah
- Borang yang dilampirkan adalah sebagai contoh sahaja. Pihak sekolah boleh mengubahsuaikannya dalam bentuk buku catatan kecil selama setahun seperti projek NILAM Bahasa Melayu.
- Rekod ini boleh diedarkan di awal tahun atau selepas Projek Kem Bestari Solat pertama dilaksanakan
- Borang ini bertujuan mengenalpasti pelaksanaan solat murid di rumah di samping mengenalpasti tahap keprihatinan ibubapa/penjaga terhadap solat anak-anak mereka.
- Rekod disemak sebulan sekali oleh GPI

LAMPIRAN 5

- Panduan tugas JK Kem Bestari Solat
- Pihak sekolah boleh mengubahsuai panduan ini jika perlu

LAMPIRAN 6

- Cadangan perbelanjaan Kem Bestari Solat
- Dianggarkan sebanyak RM4500.00 bagi setiap kali pelaksanaan Kem Bestari Solat
- Kos dapat dikurangkan sekiranya dilaksanakan dalam kawasan sekolah dan tidak bermalam
- Tentatif lain dapat difikirkan mengikut kesesuaian sekolah

LAMPIRAN 7 dan 8

- Senarai peralatan peserta dan borang maklumat peserta
- Ia adalah sekadar contoh dan boleh diubahsuai mengikut keperluan sekolah.

LAMPIRAN 9 (a) dan 9 (b)

- Borang senarai semak pencapaian berdasarkan individu
- Dikendalikan oleh setiap fasilitator
- 9(a) untuk penguasaan wuduk manakala 9(b) untuk penguasaan solat
- GPI boleh menambah ruang-ruang lain jika sesuai.

Pelaksanaan j-QAF dan Kem Bestari Solat

- J-QAF dan Kem Bestari Solat akan dilaksanakan mulai tahun 2005 secara berperingkat-peringkat.
- Maklumat lengkap akan disampaikan lagi terutama selepas tamat Projek Rintis j-QAF pada bulan Ogos nanti
- Panduan yang dikemukakan ini adalah maklumat awal yang berguna untuk persiapan ke arah pelaksanaan sebenar.
- Ia tidak menggambarkan keadaan sebenar pelaksanaan j-QAF dan Kem Bestari Solat melainkan jika pihak Kementerian Pelajaran Malaysia mengambil keputusan mengekalkan panduan dan model yang dinyatakan tadi.

PENUTUP

- Projek ini adalah satu usaha murni bagi memastikan semua murid di sekolah-sekolah kerajaan celik solat sebelum melangkah kaki ke sekolah menengah.
- Inilah antara usaha kita memperkasakan sekolah kebangsaan kita
- Setiap sesuatu yang baru pasti ada cabarannya
- Jadikan sesuatu cabaran itu sebagai suatu peluang bagi kita mempertingkatkan kualiti hidup kita dan hidup anak bangsa kita.
- Setiap persoalan Insya Allah ada penyelesaiannya

SEKIAN
TERIMA KASIH